

07/10/1998

KL'98 bukti kejayaan negara

Yusdi Md Yusoff

SUKAN Komanwel ke XVI - Kuala Lumpur 98 (KL '98) sudah berlalu. Namun ramai yang masih memperkatakan mengenainya.

Banyak rentetan kisah dan peristiwa yang sukar dilupakan.

Sebelum bermulanya KL '98, ramai yang masih sangsi keupayaan Malaysia untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel, sukan kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik.

Kini, selepas KL '98 berakhir, ramai masih memperkatakan kehebatannya dan melahirkan rasa kagum dan terkejut dengan keupayaan dan kebolehan Malaysia.

Malah, ada yang berpendapat KL '98 lebih daripada Sukan Olimpik dari segi penganjurannya sebelum ini.

Nah sudah terang lagi bersuluh, Malaysia dapat merealisasikan apa yang dihasratkan. Inilah Malaysia, sebuah negara kecil tetapi mempunyai semangat besar.

KL '98 meraih dua kecemerlangan sekali gus mengukir sejarah yang tersendiri. Pertama kerana penganjurannya dan kedua kecemerlangan atlit negara.

Kemampuan Malaysia menduduki tempat ke empat daripada 70 negara peserta dari segi pungutan pingat adalah suatu kejayaan yang terbesar buat Malaysia.

Ini jelas membuktikan Malaysia mampu bersaing dalam arena sukan di peringkat antarabangsa.

Semangat `Malaysia Boleh', yang membara di jiwa setiap atlit negara sentiasa membakar semangat mereka memburu pingat untuk negara.

Sokongan padu rakyat Malaysia patut dipuji. Dalam keghairahan kita memperkatakan mengenai kejayaan KL '98, kita tidak seharusnya alpa menerima pujian menggunung dan sanjungan yang melimpah kerana kejayaan ini sebenarnya adalah suatu cabaran untuk kita lebih berjaya pada masa akan datang.

Pastikan semangat `Malaysia Boleh' sentiasa menyala di sanubari atlit kita.

Hendaknya kejayaan KL '98 tidak sekadar menjadi ujian sejarah tetapi kita mampu mengulanginya dengan lebih cemerlang.

Adalah tidak mustahil suatu hari nanti, Sukan Olimpik akan diadakan di Malaysia.

Akhir sekali saya mewakili rakyat Malaysia mengucapkan tahniah dan syabas kepada ketokohan dan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sentiasa mempunyai pandangan jauh untuk kemakmuran Malaysia.

Kejayaan KL '98 adalah kejayaan rakyat Malaysia seluruhnya.